

Kementerian Digital
Jabatan Digital Negara

Katalog Anggaran Harga

(versi 2.2)

Kemaskini 21 April 2025

Isi Kandungan

I. PANDUAN PENGGUNAAN 3
1.0 Tujuan Katalog 3
II. PENGENALAN 3
2.0 Anggaran Harga ICT 3
III. JADUAL ANGGARAN HARGA 7
3.0 Pengurusan Projek 7
a. Pengelasan Kompleksiti Pasukan Pengurusan Projek - PMO 7
b. Anggaran Harga Pengurusan Projek 8
c. Contoh Pengiraan 9
4.0 Pelan Strategik Pendigitalan 10
a. Pengelasan Kompleksiti Pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan 10
b. Anggaran Harga Pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan 11
c. Contoh Pengiraan 11
5.0 Pembangunan Analitis Data Raya / *Big Data Analytic* (BDA) 14
a. Pengelasan Kompleksiti Pembangunan Analitis Data Raya / *Big Data Analytic* (BDA) 14
b. Anggaran Harga Pembangunan BDA 14
c. Contoh Pengiraan 17
6.0 Pembangunan Sistem dan Pengurusan Pangkalan Data 20
a. Pengelasan Kompleksiti Pembangunan Sistem dan Pangkalan Data 20
b. Anggaran Harga Pembangunan Sistem dan Pangkalan Data 25
c. Contoh Pengiraan 28
7.0 Pengujian Prestasi Sistem 35
a. Pengelasan Kompleksiti Pengujian Prestasi Sistem 35
b. Anggaran Harga Pengujian Prestasi Sistem 36
c. Contoh Pengiraan 38
8.0 *Independent Verification and Validation* (IV&V) 41
a. Pengelasan Kompleksiti ***Independent Verification and Validation*** **(IV&V)** 41
b. Anggaran Harga *Independent Verification and Validation* (IV&V) 43
c. Contoh Pengiraan 44
9.0 Rangkaian 45
a. Pengelasan Kompleksiti Rangkaian 45
b. Anggaran Harga Rangkaian 47
10.0 Pusat Data 51
a. Pengelasan Kompleksiti Pusat Data 51

b. Cadangan Anggaran Harga Pusat Data 52
i. *Cloud Framework Agreement* (CFA) 52
ii. Perkakasan dan Platform 52
iii. Perisian / Pelesenan 54
iv. Perkhidmatan Mekanikal/ Elektrikal/ Sokongan 56
11.0 Keselamatan Maklumat 58
a. Pengelasan Kompleksiti Keselamatan Maklumat 58
i. Perkhidmatan Keselamatan Maklumat 58
ii. Perkakasan / Perisian Keselamatan Maklumat 60
b. Anggaran Harga Keselamatan Maklumat 60
c. Contoh Pengiraan 66
12.0 Automasi Pejabat 72
a. Pengelasan Kompleksiti Automasi Pejabat 72
b. Anggaran Harga Automasi Pejabat 73
IV. PELBAGAI 76
13.0 Hal-hal Lain 76

I. PANDUAN PENGGUNAAN

1.0 Tujuan Katalog

a. Katalog Anggaran Harga ini dibangunkan bertujuan untuk memberi panduan dan sebagai rujukan kepada:

i. semua Kementerian dan agensi Kerajaan **dalam penyediaan/permohonan bajet Projek teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)**;

ii. **wakil Jabatan Digital Negara selaku ahli penilai permohonan peruntukan *Rolling Plan* (RP) Projek-projek ICT**; serta

iii. **urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Kementerian/agensi Kerajaan** dan **Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA)** bagi perbandingan spesifikasi teknikal dan anggaran kos.

b. Katalog Anggaran Harga ini merupakan perkakasan, perisian dan perkhidmatan ICT berdasarkan Permohonan Projek ICT kepada Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (tahun 2021 hingga 2023).

II. PENGENALAN

2.0 Anggaran Harga ICT

a. Katalog Anggaran Harga ini merangkumi 11 skop/bidang seperti di bawah:

i. **<u>Pengurusan Projek</u>**
Perkhidmatan Pasukan/Pejabat Pengurusan Projek (*Project Management Office* – PMO) untuk membantu agensi sektor awam dalam perancangan, pelaksanaan dan pengawalan segala aspek pengurusan projek. Di samping itu, terdapat juga projek-projek ICT yang berskala besar dan kompleks yang memerlukan khidmat perundingan Pengurusan Projek pihak luar/syarikat (bukan agensi Kerajaan).

ii. **<u>Pelan Strategik Pendigitalan</u>**
Perkhidmatan pembangunan, perundingan dan nasihat yang merangkumi pembangunan atau semakan semula Pelan Strategik Pendigitalan agensi supaya selaras dengan Pelan Strategik Organisasi (PSO) dan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA).

iii. **Pembangunan Analitis Data Raya / *Big Data Analytic* (BDA)**

Pembangunan analitis data raya / *Big Data Analytic* (BDA) untuk melihat hubungan dan corak data tersebut bagi membantu agensi membuat keputusan yang wajar berasaskan analitis data.

iv. **Pembangunan Sistem dan Pangkalan Data**

Perkhidmatan yang bermula daripada fasa pengumpulan keperluan dan analisis, reka bentuk, pembangunan (*coding*), pengujian hinggalah kepada pelaksanaan (*deployment*). Manakala perkhidmatan pengurusan pangkalan data merangkumi merancang, mereka bentuk, membangun dan menyelenggara pangkalan data, migrasi serta pengintegrasian.

v. **Pengujian Prestasi Sistem**

Perkhidmatan pengujian prestasi infrastruktur dan keupayaan sistem aplikasi untuk beroperasi dengan sejumlah bebanan/pengguna secara serentak dalam tempoh masa tindak balas yang ditetapkan.

vi. ***Independent Verification and Validation* (IV&V)**

Perkhidmatan yang bertujuan memastikan sistem aplikasi yang dibangunkan atau perkhidmatan memenuhi keperluan dan spesifikasi dan ia memenuhi tujuan yang dimaksudkan.

Kriteria pelaksanaan IV&V untuk projek ICT yang kritikal dan berimpak tinggi adalah seperti berikut:

- Projek pembangunan sistem yang berisiko tinggi dan berpotensi mengancam nyawa seperti sistem amaran tsunami atau sistem kawalan lalu lintas;
- Projek pembangunan sistem yang berpotensi menjejaskan dan membahayakan kesihatan awam seperti sistem maklumat pesakit atau sistem kawalan vektor;
- Projek pembangunan sistem yang berpotensi menimbulkan ancaman kepada keselamatan negara seperti Sistem Imigresen atau Sistem Maritim;
- Kerumitan tinggi dan projek pembangunan sistem rentas agensi yang memberi kesan langsung kepada rakyat; dan

- Projek pembangunan sistem yang menyokong bisnes teras agensi (misi kritikal).

vii. **Rangkaian**

Perancangan, pembangunan, pengurusan dan pengoperasian rangkaian setempat (*Local Area Network* – LAN) / rangkaian meluas (*Wide Area Network* – WAN), struktur sistem pengkabelan, rangkaian tanpa wayar serta perkhidmatan rangkaian ICT (sambungan Internet).

viii. **Pusat Data**

Perancangan, pembangunan / naik taraf, pengurusan dan pengoperasian pusat data melibatkan bilik *server*, pusat data di bangunan pejabat, pusat data secara *purpose build*, pusat data ko-lokasi, pusat data yang dilanggan melalui perkhidmatan rak server dan langganan pengkomputeran awan.

Skop perolehan melibatkan perancangan, pembangunan, pembekalan, pemasangan, pengujian, perluasan, pengoperasian, khidmat sokongan, perlesenan, pengurusan projek atau pensijilan.

Skop bidang pusat data boleh dikategorikan sebagai:

- Kerja kejuruteraan sivil, elektrik dan mekanikal;
- Infrastruktur, rangkaian dan keselamatan;
- *Disaster Recovery Center* (DRC);
- Langganan server, perkhidmatan ICT, perkhidmatan awan (MyGovCloud); dan
- Khidmat sokongan, pengurusan projek, lesen aplikasi, pensijilan, migrasi dan lain-lain.

ix. **Keselamatan Maklumat**

Keselamatan maklumat yang meliputi infrastruktur ICT dan maklumat serta perkhidmatan keselamatan ICT seperti *Security Posture Assessment* (SPA), Pembangunan *Information Security Management Plan* (ISMP) dan Pembangunan *Disaster Recovery Plan* (DRP).

x. **Automasi Pejabat**

Perkakasan automasi pejabat seperti komputer riba, komputer peribadi/*desktop*, pencetak dan perisian seperti *Operating System, Office*, *Anti Virus* dan lain-lain seumpamanya.

b. *Mapping* Ringkasan Kos Projek Permohonan Kelulusan Teknikal JTISA vs Anggaran Harga ICT adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA	ANGGARAN KOS										
		PENGURU-SAN PROJEK	PELAN STRATEGIK PENDIGITA-LAN	PEMBANGU-NAN *BIG DATA ANALYTIC*	PEMBANGU-NAN SISTEM	PANGKALAN DATA (INTEGRASI & MIGRASI)	PENGUJIAN PRESTASI	*INDEPENDENT VALIDATION AND VERIFICATION* (IV&V)	RANGKAIAN	PUSAT DATA	KESELAMATAN MAKLUMAT	AUTOMASI PEJABAT
A.	**Perkakasan ICT (termasuk perkakasan keselamatan)**			✓						✓	✓	✓
B.	**Pembangunan Sistem Aplikasi**				✓							
C.	**Perisian (termasuk perisian keselamatan)**			✓	✓	✓				✓	✓	✓
D.	**Rangkaian dan Peralatan Rangkaian**								✓			
E.	**Perkhidmatan ICT**	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓			✓	✓
F.	**Lain-lain Perkakasan/ Perkhidmatan Bukan ICT** i. Perkakasan Bukan-ICT/ fizikal/ M&E yang menyokong projek ICT ii. Perkhidmatan Bukan-ICT/ fizikal/ M&E yang menyokong projek ICT									✓		
G.	**Perkhidmatan Pengkomputeran Awan**			✓		✓	✓		✓	✓	✓	✓
	JUMLAH											

III. JADUAL ANGGARAN HARGA

3.0 Pengurusan Projek

a. Pengelasan Kompleksiti Pasukan/Pejabat Pengurusan Projek - PMO

Pasukan/Pejabat Pengurusan Projek (*Project Management Office* – PMO) adalah teras kepada kejayaan sesebuah projek. Mereka berperanan dalam merancang, melaksanakan, dan mengawal segala aspek projek, memastikan sumber digunakan dengan efisien, kos dikawal, dan risiko dapat diurus dengan baik. Tanpa pasukan yang kompeten dan berpengalaman, projek berisiko gagal memenuhi matlamat yang ditetapkan, baik dari segi kos, masa, ataupun kualiti.

Oleh itu, pentingnya **penentuan bilangan ahli Pasukan/Pejabat Pengurusan Projek** bagi tujuan merancang, melaksanakan dan memantau setiap aspek projek agar segala matlamat dan objektif tercapai dengan cara yang teratur dan efisien.

Berikut merupakan **pengelasan kompleksiti** bagi **Pengurusan Projek**:

Pasukan Pengurusan Projek Kontraktor		
Bilangan Skop Projek (Berdasarkan Sebut Harga/Tender)	**Bilangan Pengurus Projek** (Maksimum)	**Bilangan Ahli Pejabat Pengurusan Projek – PMO** (Minimum)
1 hingga 4	1 orang	2 orang
5 hingga 7	1 orang	3 orang
8 ke atas	1 orang	4 orang

Bilangan Skop Projek adalah berdasarkan skop kerja yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga / tender bagi setiap projek ICT, iaitu:

i. Perolehan Perkakasan
ii. Perolehan Perisian
iii. Pembangunan Sistem
iv. Pengurusan Projek
v. Pengurusan Perubahan termasuk latihan
vi. Perolehan Rangkaian
vii. *Verification dan Validation* (V&V)
viii. *Security Posture Assessment* (SPA)
ix. Migrasi Data
x. Pengurusan Terurus (*Manage Services*).

Projek perkhidmatan penyelenggaraan, langganan serta sewaan tidak dikategorikan sebagai projek ICT dan tidak tertakluk kepada Panduan Pengurusan Projek ICT Sektor Awam (PPrISA).

Walau bagaimanapun, pertimbangan adaptasi Panduan Pengurusan Projek ICT Sektor Awam (PPrISA) termasuk skop pengurusan projek boleh dilaksanakan sekiranya projek diklasifikasikan sebagai kritikal.

b. Anggaran Harga Pengurusan Projek

i. Pasukan/Pejabat Pengurusan Projek - PMO

Anggaran Harga untuk skop Pengurusan Projek adalah kiraan anggaran *mandays* atau *manmonth* bagi **Pasukan/Pejabat Pengurusan Projek - PMO** yang melibatkan pengurus projek adalah seperti berikut:

- Skala gaji mengikut gred dan tahun pengalaman berdasarkan:
  - Skala gaji harian dan bulanan : **Surat Arahan Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara Bilangan 1 Tahun 2025 – Garis Panduan Permohonan Ganjaran dan Pembiayaan kumpulan Wang Amanah Pembangunan Projek ICT Sektor Awam (SAKP JDN Bil. 1/2025)**; atau

  - Skala gaji bulanan : **Pekeliling Perbendaharaan – Perolehan Kerajaan 3.2 (PK3.2): Kos Perkhidmatan Perunding** atau **SAKP JDN Bil. 1/2025.**

- Faktor Pengganda adalah berdasarkan **Pekeliling Perbendaharaan – Perolehan Kerajaan 3.2 (PK3.2): Kos Perkhidmatan Perunding**; dan

- Kos bengkel-bengkel berkaitan pengurusan projek selain bengkel Pengurusan Perubahan (*Change Management* - CM).

Skop pengurusan projek mengambil kira aktiviti dan peranan pengurus projek serta pejabat pengurusan projek (PMO) dalam mengurus projek dan kontrak.

Antara aktiviti yang akan dilaksanakan oleh pasukan pengurusan projek adalah:

- Menyedia dan mengemaskini jadual pelaksanaan;
- Mengurus dan mengawasi pelaksanaan semua aktiviti projek supaya mengikut skop, jadual dan kos yang dirancang serta memastikan serahan projek menepati spesifikasi dan kualiti yang ditetapkan;
- Melaporkan status kemajuan projek secara berkala dan memberi laporan secara *ad-hoc* bagi sebarang masalah yang timbul kepada pasukan projek kerajaan;
- Mengurus risiko dan isu yang timbul dan menangani permohonan pindaan (change request) yang dilaporkan; dan
- Menyediakan dokumentasi dan laporan berkaitan pengurusan projek seperti Pelan Pengurusan Projek.

c. Contoh Pengiraan

Berikut merupakan **contoh** pengiraan Anggaran Harga untuk **Pasukan/Pejabat Pengurusan Projek - PMO bagi tempoh 38 bulan** di mana skop projek ICT ini merangkumi **sembilan (9) skop** projek.

PERANAN	BIL. (a)	TAHUN PENGALAMAN	IJAZAH SARJANA MUDA / DIPLOMA / SIJIL	INPUT MASA (IM) *MAN-MONTH* (b)	KADAR GAJI SEBULAN (c)	FAKTOR PENGGANDA (d)	JUMLAH (RM) (e) = (a) x (b) x (c) x (d)
Pengurus Projek	1	15	Ijazah Sarjana Muda	38	8,395.00	2.7*	**861,327.00**
Ahli Pejabat Pengurusan Projek	4	5	Ijazah Sarjana Muda	38	4,600.00	2.7*	**1,887,840.00**
				JUMLAH ANGGARAN HARGA PMO			**2,749,167.00**

* Untuk contoh pengiraan ini, Faktor Pengganda yang ditunjukkan ini adalah maksimum dan perlu merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan – Perolehan Kerajaan 3.2 (PK3.2): Kos Perkhidmatan Perunding, Lampiran 6 – Jadual 1 dan Jadual 2.

ii. Pasukan Perundingan Pengurusan Projek

Manakala untuk Anggaran Harga **Pasukan Perunding Pengurusan Projek ICT** pula adalah seperti berikut:

- Skala gaji mengikut tahun pengalaman berdasarkan **Pekeliling Perbendaharaan – Perolehan Kerajaan 3.2 (PK3.2): Kos Perkhidmatan Perunding**;
- Faktor Pengganda adalah berdasarkan **Pekeliling Perbendaharaan – Perolehan Kerajaan 3.2 (PK3.2): Kos Perkhidmatan Perunding**; dan
- Kos imbuhan balik yang juga berdasarkan **PK3.2: Kos Perkhidmatan Perunding**.

4.0 Pelan Strategik Pendigitalan

a. Pengelasan Kompleksiti Pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan

Pengelasan kompleksiti bagi **Pembangunan Pelan Pendigitalan** adalah seperti berikut:

<table>
<tr><th colspan="3">Pasukan Projek Kontraktor</th></tr>
<tr><th>Saiz Kecil
(Anggaran Bil. Ahli)</th><th>Saiz Sederhana
(Anggaran Bil. Ahli)</th><th>Saiz Besar
(Anggaran Bil. Ahli)</th></tr>
<tr><td>Maksimum lima (5) orang ahli</td><td>10 hingga 15 orang ahli</td><td>Melebihi 20 orang ahli</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Contoh Opsyen A (5 orang):
i. 1 x Project Director / Project Manager
ii. 1 X Perunding Kanan
iii. 2 X Perunding
iv. 1 X Research Assistant (RA)</td><td>Contoh Opsyen A (10 orang):
i. 1 x Project Director
ii. 1 X Project Manager
iii. 2 X Perunding Kanan
iv. 2 X Perunding
v. 2 X Project Management Office (PMO)
vi. 2 X Research Assistant (RA)</td><td rowspan="2">Contoh Opsyen A (20 orang):
i. 1 x Project Director
ii. 1 X Project Manager
iii. 4 X Perunding Kanan
iv. 6 X Perunding
v. 3 X Project Management Office (PMO)
vi. 5 X Research Assistant (RA)</td></tr>
<tr><td>Contoh Opsyen B (15 orang):
i. 1 x Project Director
ii. 1 X Project Manager</td></tr>
</table>

Pasukan Projek Kontraktor		
Saiz Kecil (Anggaran Bil. Ahli)	**Saiz Sederhana (Anggaran Bil. Ahli)**	**Saiz Besar (Anggaran Bil. Ahli)**
	iii. 3 X Perunding Kanan iv. 4 X Perunding v. 3 X *Project Management Office (PMO)* vi. 3 X *Research Assistant* (RA)	

b. Anggaran Harga Pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan

Anggaran Harga **Pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan** adalah seperti berikut:

- Skala gaji mengikut tahun pengalaman berdasarkan **PK3.2: Kos Perkhidmatan Perunding**; dan
- Kos imbuhan balik yang juga berdasarkan **PK3.2: Kos Perkhidmatan Perunding**.

c. Contoh Pengiraan

Berikut merupakan **contoh** pengiraan Anggaran Harga **Pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan** berskala **kompleksiti kecil** mengikut **tempoh** samada enam (6), sembilan (9) atau 12 bulan.

Untuk Tempoh 6 Bulan							
A.	**PERKHIDMATAN PROFESIONAL (YURAN PERUNDING) [YP=GPxFPxIM]**						
Bil.	**Jawatan**	**Gred Setara Kerajaan SSPA / SSM**	**Pengalaman (Tahun)**	**Kadar Gaji Pokok (RM)**	**Faktor Pengganda (FP)**	**Input Masa (IM) *Man-Month***	**Jumlah (RM)**
1	Pengurus Projek	13 /F52	21	10,695.00	2.7*	6	173,259.00
2	Perunding Kanan	14 / F54	27	14,030.00	2.7*	6	227,286.00
3	Perunding 1	12 / F48	18	9,430.00	2.7*	6	152,766.00
4	Perunding 2	12 / F48	18	9,430.00	2.7*	6	152,766.00
5	*Research Assistant* 1	5 / F29	6	3,300.00	2.1*	3	20,790.00
	Jumlah Perkhidmatan Profesional (A) :						**726,867.00**

Untuk Tempoh 9 Bulan							
A.	**PERKHIDMATAN PROFESIONAL (YURAN PERUNDING) [YP=GPxFPxIM]**						
Bil.	**Jawatan**	**Gred Setara Kerajaan SSPA / SSM**	**Pengalaman (Tahun)**	**Kadar Gaji Pokok (RM)**	**Faktor Pengganda (FP)**	**Input Masa (IM) *Man-Month***	**Jumlah (RM)**
1	Pengurus Projek	13 /F52	21	10,695.00	2.7*	9	259,888.50
2	Perunding Kanan	14 / F54	27	14,030.00	2.7*	9	340,929.00
3	Perunding 1	12 / F48	18	9,430.00	2.7*	9	229,149.00
4	Perunding 2	12 / F48	18	9,430.00	2.7*	9	229,149.00
5	*Research Assistant* 1	5 / F29	6	3,300.00	2.1*	4.5	31,185.00
	Jumlah Perkhidmatan Profesional (A) :						**1,090,300.50**

Untuk Tempoh 12 Bulan							
A.	**PERKHIDMATAN PROFESIONAL (YURAN PERUNDING) [YP=GPxFPxIM]**						
Bil.	**Jawatan**	**Gred Setara Kerajaan SSPA / SSM**	**Pengalaman (Tahun)**	**Kadar Gaji Pokok (RM)**	**Faktor Pengganda (FP)**	**Input Masa (IM) *Man-Month***	**Jumlah (RM)**
1	Pengurus Projek	13 /F52	21	10,695.00	2.7*	12	346,518.00
2	Perunding Kanan	14 / F54	27	14,030.00	2.7*	12	454,572.00
3	Perunding 1	12 / F48	18	9,430.00	2.7*	12	305,532.00
4	Perunding 2	12 / F48	18	9,430.00	2.7*	12	305,532.00
5	*Research Assistant* 1	5 / F29	6	3,300.00	2.1*	6	41,580.00
	Jumlah Perkhidmatan Profesional (A) :						**1,453,734.00**

* Untuk contoh pengiraan ini, Faktor Pengganda yang ditunjukkan ini adalah maksimum dan perlu merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan – Perolehan Kerajaan 3.2 (PK3.2): Kos Perkhidmatan Perunding, Lampiran 6 – Jadual 1 dan Jadual 2.

Berdasarkan **contoh** pengiraan di atas bagi Kontraktor membangunkan Pelan Strategik Pendigitalan agensi berskala **kompleksiti kecil** mengikut tempoh samada enam (6), sembilan (9) dan 12 bulan, maka dapat dirumuskan pada jadual di bawah iaitu **Ringkasan Jadual Anggaran Harga Bagi Pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan** adalah seperti berikut:

Bilangan Ahli Pasukan Mengikut Kompleksiti	**Anggaran Harga (RM)/Kos Mengikut Anggaran Tempoh Projek**		
	6 Bulan	**9 Bulan**	**12 Bulan**
5 (KECIL)	(-5%) RM690,523.65 **RM726,867.00** (+5%) RM763,210.35 **Julat: RM690K - RM760K**	(-5%) RM1,035,785.48 **RM1,090,300.50** (+5%)RM1,144,815.53 **Julat: RM1j-RM1.1j**	(-5%) RM1,381,047.30 **RM1,453,734.00** (+5%)RM1,526,420.70 **Julat: RM1.3j-RM1.5j**
10 (SEDERHANA)	(-5%) RM1,301,404.05 **RM1,369,899.00** (+5%) RM1,438,393.95 **Julat: RM1.3j-RM1.4j**	(-5%) RM1,952,106.08 **RM2,054,848.50** (+5%) RM2,157,590.93 **Julat: RM1.9j-RM2.1j**	(-5%) RM2,602,808.10 **RM2,739,798.00** (+5%) RM2,876,787.90 **Julat: RM2.6j-RM2.8j**
15 (SEDERHANA)	(-5%) RM1,901,665.35 **RM2,001,753.00** (+5%) RM2,101,840.65 **Julat: RM1.9j-RM2.1j**	(-5%) RM2,852,498.03 **RM3,002,629.50** (+5%) RM3,152,760.98 **Julat: RM2.8j-RM3.1j**	(-5%) RM3,803,330.70 **RM4,003,506.00** (+5%) RM4,203,681.30 **Julat: RM3.8j-RM4.2j**
20 (BESAR)	(-5%) RM2,456,192.70 **RM2,585,466.00** (+5%) RM2,714,739.30 **Julat: RM2.4j-RM2.7j**	(-5%) RM3,684,289.05 **RM3,878,199.00** (+5%) RM4,072,108.95 **Julat: RM3.6j-RM4j**	(-5%) RM4,912,385.40 **RM5,170,932.00** (+5%) RM5,429,478.60 **Julat: RM4.9j-RM5.4j**

5.0 Pembangunan Analitis Data Raya / *Big Data Analytic* (BDA)

a. Pengelasan Kompleksiti Pembangunan Analitis Data Raya / *Big Data Analytic* (BDA)

Pengelasan kompleksiti bagi **Pembangunan BDA** adalah seperti berikut:

BIL.	**JENIS KOMPLEKSITI**	***STORAGE***	***CLOUD PROCESSOR* (CPU / GPU / CU)**	**TAHAP ANALITIK**
1.	Platform Kecil	10 TB – 15 TB	64 RPU / 8 CU / n2-standard-2 Compute	Deskriptif Dan Diagnostik (Maksimum 10 Analisis) Tahap Prediktif Dan Preskriptif (Maksimum 10 Analisis)
2.	Platform Sederhana	25 TB – 30 TB	128 RPU / 16 CU / n2-standard-4 Compute	
3.	Platform Besar	30 TB – 50 TB	256 RPU / 30 CU / n2-standard-8 Compute	

Walau bagaimanapun, untuk **perkakasan dan perisian** seperti *web server, load balancer, web application firewall* (WAF), *threat detection, Network Address Translation* (NAT) *gateway*, *content delivery network* (CDN) yang diperlukan untuk melengkapkan *complete solution* ini, terdapat dua (2) kaedah pemilikan iaitu samada **Perolehan Aset** atau pun langganan melalui ***Cloud Framework Agreement* (CFA).**

b. Anggaran Harga Pembangunan BDA

Anggaran Harga **Pembangunan BDA** adalah seperti berikut:

- Pemilikan perkakasan dan perisian untuk **infrastruktur** samada:
  - secara **Perolehan Aset** (untuk penyimpanan maklumat Rahsia / Rahsia Besar); atau
  - secara langganan melalui ***Cloud Framework Agreement* – CFA** (maklumat Terbuka / Terkawal / Terhad / Sulit).

- Kos bagi komponen **Pembangunan Produk Data (perkhidmatan kajian dan pembangunan BDA)** buat masa ini adalah berdasarkan pekeliling yang sedang berkuatkuasa iaitu:

  - Skala gaji harian dan bulanan : **Surat Arahan Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara Bilangan 1 Tahun 2025 – Garis Panduan Permohonan Ganjaran dan Pembiayaan kumpulan Wang Amanah Pembangunan Projek ICT Sektor Awam (SAKP JDN Bil. 1/2025)**; atau

  - Skala gaji bulanan : **Pekeliling Perbendaharaan – Perolehan Kerajaan 3.2 (PK3.2): Kos Perkhidmatan Perunding** atau **SAKP JDN Bil. 1/2025**; dan

  - Kos perunding (jika ada) berdasarkan **PK3.2: Kos Perkhidmatan Perunding.**

- Lain-lain komponen perkhidmatan BDA seperti **langganan data** dan **latihan berkaitan BDA**.

Berdasarkan Surat Pekeliling Am Bil. 7 Tahun 2024 - Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Sektor Awam, perkara 2.1, perenggan 2 (d) (ii), pengiraan FPA dikecualikan bagi pembangunan BDA. Oleh itu, berikut merupakan Anggaran Harga **Pembangunan BDA**:

(i.A) *Platform On Cloud*	**Purata Harga Setahun**
Platform *On Cloud* Untuk Jabatan (Kecil, Sederhana, Besar) * Tertakluk kepada kesesuaian dan keperluan jabatan kerana melibatkan perkakasan dan perisian yang **dilanggan (maklumat Terbuka / Terkawal / Terhad / Sulit)** serta produk *Open Source*	
Platform Kecil	RM90,000 – RM100,000
Platform Sederhana	RM190,000 – RM200,000
Platform Besar	RM350,000 – RM450,000

atau

(i.B) *Platform On Premise*	Anggaran Harga
Platform *On Premise* Untuk Jabatan (Kecil, Sederhana, Besar) * Tertakluk kepada kesesuaian dan keperluan jabatan kerana melibatkan perkakasan dan perisian yang **dibeli (untuk penyimpanan maklumat Rahsia / Rahsia Besar)** serta produk *Open Source* dan **belum** termasuk perkakasan dan perisian rangkaian dan keselamatan.	
Platform Kecil	RM150,000.00 – RM300,000.00
Platform Sederhana	RM550,000.00 – RM1,000,000.00
Platform Besar	RM2,000,000.00 – RM4,000,000.00

(ii) Tahap Analisis Pembangunan Produk Data	Anggaran Harga
Pembangunan Produk Data **<u>(Tanpa Perkakasan Dan Perisian)</u>**	
Tahap Deskriptif Dan Diagnostik (Maksimum 10 Analisis)	RM300,000.00 – RM350,000.00 (Satu Analisis : RM30,000 – RM35,000)
Tahap Prediktif Dan Preskriptif (Maksimum 10 Analisis)	RM350,000.00 – RM400,000.00 (Satu Analisis : RM35,000 – RM40,000)

(iii) Lain-lain Berkaitan BDA	Anggaran Harga
Perolehan Data	RM0.60/per data
Integrasi Data (API) - MyGDX	RM150,000.00/per agensi
Latihan Sains Data	
Pensijilan	RM10,000.00 – RM12,000.00
Tanpa Pensijilan	RM4,000.00 – RM 6,000.00

c. Contoh Pengiraan

Berikut merupakan **contoh** pengiraan Anggaran Harga Pembangunan Analitis Data Raya / BDA ***Platform On Cloud*** **bersaiz besar (*large*)**.

C1. Contoh Langgan BDA Melalui Amazon Web Service (AWS):

Bil.	Perkara	Kuantiti	Harga Langganan Sebulan (RM)	Harga Langganan Setahun (RM)
1.	Storage (50 TB data / bulan) Contoh : Amazon S3	1	6,144.00	73,728.00
2.	*Extract, Transform, And Load* (ETL) Service (50 jam / bulan) Contoh : AWS Glue	1	1,056.00	12,672.00
3.	*Data Warehouse* – 256 RPU Contoh : Amazon Redshift Serverless	1	16,865.28	202,383.36
4.	*Cloud-Powered Business Intelligence (BI) - 5 authors, 100 readers* Contoh : Amazon QuickSight	1	1,992.00	23,904.00
5.	*Data Transfer* – 20 TB / bulan	1	11,796.48	141,557.76
6.	*Big Data Platform* – 8vCPU,32GB RAM, 600hr Apache Hadoop, Spark, HBase, Flin *& etc*.	1	2,184.58	26,214.91
		JUMLAH	**40,038.34**	**480,460.03**

C1. Contoh Langgan BDA Melalui Microsoft Azure:

Bil.	Perkara	Kuantiti	Harga Langganan Sebulan (RM)	Harga Langganan Setahun (RM)
1.	*OneLake Storage : 30TB*	1	3,600.00	43,200.00
2.	*Bandwith Egress : 2TB monthly*	1	1,094.40	13,132.80
3.	*Compute F64 (64 CU)*	1	29,337.60	352,051.20
4.	*Power BI Pro : 40 Licence*	1	1,920.00	23,040.00
		JUMLAH	**35,952.00**	**431,424.00**

C1. Contoh Langgan BDA Melalui Google Cloud:

Bil.	Perkara	Kuantiti	Harga Langganan Sebulan (RM)	Harga Langganan Setahun (RM)
1.	*Web Server* *Compute Engine* *n2-standard-8 (vCPUs: 8, RAM: 32GB), Zonal Balanced PD: 1 TB*	1	1,361.18	16,334.21
2.	*Apps Server* *Compute Engine* *n2-standard-8 (vCPUs: 8, RAM: 32GB), Zonal Balanced PD: 1 TB*	1	1,361.18	16,334.21
3.	*Development Server* *Compute Engine* *n2-standard-8 (vCPUs: 8, RAM: 32GB), Zonal Balanced PD: 1 TB*	1	1,361.18	16,334.21
4.	*Database* *Cloud SQL* *MySQL/PostgreSQL, Instance type: db-highmem-16 (vCPUs: 16, RAM: 104GB), SSD Storage: 1 TB, Backup: 1 TB, High Availability*	1	4,942.37	59,308.42
5.	*CDN* *Cloud CDN* *Cache egress - Asia/Pacific: 100 GiB*	1	43.20	518.40
6.	*Cache* *Memorystore for Redis* *Service Tier: basic Instance Capacity: 1 GiB Capacity Tier: M1*	1	227.76	2,733.12
7.	*Storage* *Cloud Storage* *Standard Storage 1000 GB*	1	96.00	1,152.00
8.	*Network* *Public IP Address* *Public IP Address*	1	14.02	168.19
9.	*Network* *Cloud DNS* *Managed Zones: 1 Queries: 50*	1	0.96	11.52
10.	*Network* *Cloud Load Balancer* *Forwarding rules: 10 Inbound data processed: 100 GiB Outbound data processed: 100 GiB*	1	299.47	3,593.66

Bil.	Perkara	Kuantiti	Harga Langganan Sebulan (RM)	Harga Langganan Setahun (RM)
11.	*Network* *Networking Egress* *Source Region: Singapore* *Premium Tier to APAC: 350 GiB*	1	235.20	2,822.40
12.	*Operations* *Cloud Logging* *Cloud Logging: 50GB (free tier)*	1	0.00	0.00
13.	*Operations* *Cloud Monitoring* *Cloud Monitoring: 120MB (free tier)*	1	0.00	0.00
14.	*Security* *Cloud Armor* *Commitment type: Standard (Pay as you go) Policies: 10 Rules: 10 Incoming requests: 1000000*	1	291.60	3,499.20
15.	*Security* *Security Command Center (Std)* *Standard (Free tier)*	1	0.00	0.00
16.	*ETL* *Data Fusion Basic* *Basic Edition*	1	5,270.40	63,244.80
17.	*Warehouse* *BigQuery* *Location: Singapore Active Logical Storage: 1024 GiB Queries: 100 TiB*	1	4,104.53	49,254.34
18.	*Visualization* *Looker Studio Pro* *50 users*	1	2,160.00	25,920.00
		JUMLAH	**21,769.05**	**261,228.68**

6.0 Pembangunan Sistem dan Pengurusan Pangkalan Data

a. Pengelasan Kompleksiti Pembangunan Sistem dan Pangkalan Data

Dalam projek pembangunan sistem, **Anggaran Harga pembangunan sistem** merupakan proses **meramal jumlah usaha, masa dan sumber yang diperlukan** untuk **mengkaji, mereka bentuk, membangun, menguji dan melaksanakan produk perisian**. Ini merupakan langkah kritikal yang memberi kesan ketara kepada keputusan pengurusan projek dan strategi pembangunan sistem.

Anggaran Harga pembangunan sistem ditentukan berdasarkan maklumat kajian pasaran yang telah dijalankan, sumber - sumber projek yang perlu diperoleh, pengalaman Pengurus Projek sendiri dan juga maklumat yang diperolehi dari mereka yang berpengalaman dalam projek yang serupa.

Untuk mendapatkan Anggaran Harga keseluruhan projek, selain kos pembangunan projek perlu juga diperoleh kos penyenggaraan serahan-serahan projek (infrastruktur ICT, sistem aplikasi, perkhidmatan) selepas projek tamat.

Walau bagaimanapun untuk Anggaran Harga projek ICT berkaitan **Pembangunan Sistem** hanya menumpukan skop pembangunan sistem yang merangkumi **aspek pembangunan sistem, pangkalan data dan pengujian sistem**. Pendekatan pembangunan adalah berdasarkan metodologi *waterfall*.

Kriteria penentuan kompleksiti bagi **Pembangunan Sistem dan Pangkalan Data** adalah seperti jadual di bawah:

KRITERIA PENENTUAN KOMPLEKSITI				
BIL.	**KRITERIA**	**SKOR**	**PERATUS WAJARAN (%)**	**TAHAP KOMPLEKSITI**
1.	Saiz Sistem (FPA)	10	60	1% – 30% : **Rendah** 31% – 69% : **Sederhana** 70% -100% : **Tinggi**
2.	*Integration Point* / API	10	10	
3.	Skop Migrasi Data	10	10	
4.	Penggunaan Teknologi	10	20	
	JUMLAH	**40**	**100**	

i. Kriteria Pertama: Saiz Sistem (*Function Point Analysis* - FPA)

Agensi perlu membuat penganggaran menggunakan FPA bagi:

- Pembangunan sistem baharu *
- Peningkatan atau penambahbaikan sistem sedia ada *
- Penggantian sistem legasi kepada sistem baharu (revamp)*.

Bilangan *Function Point* (FP)	**Kategori**	**Skor**
Kurang daripada 5,000	Kecil	3
5,001 – 9,999	Sederhana	7
Lebih daripada 10,000	Besar	10

* termasuk integrasi sistem

Pengiraan Anggaran Harga Pembangunan Sistem berdasarkan FPA adalah **kurang sesuai untuk pembangunan sistem yang berasaskan *Commercial Off The Shelf* (COTS)** dan **sistem yang mengadaptasikan teknologi** (rujuk jadual iv di muka surat 24). Oleh itu, pengiraan anggaran harga pembangunan sistem COTS dan yang mengadaptasikan teknologi adalah sesuai berdasarkan ***man-days*** daripada kajian pasaran.

ii. Kriteria Kedua: *Integration Point / Application Programming Interfaces* (API)

Bilangan *Integration Point* / API	**Kategori**	**Skor**
1 – 5	Kecil	3
6 – 15	Sederhana	7
Lebih daripada 16	Besar	10

iii. Kriteria Ketiga: Skop Migrasi Data

Data Volume	**Kategori**	**Skor**
Kurang daripada 1,000,000	Kecil	3
1,000,001 - 500,000,000	Sederhana	7
Lebih daripada 500,000,000	Besar	10

Jumlah Anggaran Harga Migrasi Data (RM)	A	B	C	D	E	F
	Data Volume X *Standard Cost*	*Basic Cost* X Faktor Pengganda **Bil. Sistem** Yang Terlibat	*Basic Cost* X Faktor Pengganda **Kompleksiti Pangkalan Data**	*Basic Cost* X Faktor Pengganda **Bil. *Tables*** Yang Terlibat	*Basic Cost* X Faktor Pengganda **Kualiti Data**	*Basic Cost* X Faktor Pengganda **Kompleksiti Data**

- **A: *Data Volume* (rekod)**
  Tentukan ***data volume*** atau **bilangan rekod** yang terlibat dalam migrasi data. Proses ini melibatkan jumlah rekod yang dikira menggunakan *statement count* sekiranya menggunakan SQL.

Data Volume* Bagi Pengiraan *Basic Cost		
Data Volume (min.)	***Data Volume (max.)***	***Standard Cost* (RM)**
1	250,000	0.05
250,001	500,000	0.04
500,000	800,000	0.03
800,001	1,200,000	0.02
1,200,001	2,000,000	0.01
> 2,000,001	∞	0.01

- **B: Bilangan Sistem Yang Terlibat**
  Tentukan **bilangan sistem** yang terlibat dalam migrasi data. Bilangan sistem yang terlibat juga **termasuklah rekod-rekod daripada fail sistem yang lain seperti CSV dan Excel**.

Pengganda Bilangan Sistem Yang Dimigrasi	
Pengganda	**Perkara**
1.0	Satu sistem legasi
1.5	2 hingga 4 sistem legasi
2.0	5 hingga 10 sistem legasi
2.5	11 hingga 20 sistem legasi
3.0	Lebih daripada 20 sistem legasi

- **C: Kompleksiti Pangkalan Data**
  Penentuan **kompleksiti pangkalan data** adalah berdasarkan reka bentuk pangkalan data sama ada masih mengekalkan reka bentuk yang sama atau pun reka bentuk pangkalan data baharu serta jenis pangkalan data tidak berstruktur.

Pengganda Kompleksiti Pangkalan Data	
Pengganda	**Perkara**
1.0	*Same structure*
2.0	*Different structure & design*
2.5	*Non-RDBMS*

- **D: Bilangan *Tables***
  Tentukan **bilangan *table/s*** (jadual) yang terlibat dalam migrasi data. ***Table/s*** adalah merangkumi keseluruhan sistem yang terlibat.

Pengganda Bilangan *Tables*	
Pengganda	**Perkara**
1.0	Kurang daripada 100
1.5	100 hingga 300
2.0	301 hingga 500
3.0	501 hingga 1,000
4.0	1,001 hingga 2,000
5.0	2,001 hingga 3,000
6.0	3,001 hingga 4,500
7.0	Lebih daripada 4,501

- **E: Kualiti Data**
  Isu **kualiti data** adalah merangkumi data yang perlu melalui proses-proses *cleansing* seperti *standardization*, pembetulan akibat *duplicates*, *inaccurracies*, *inconsistence* dan perlukan *conversion* (*data type, file format* dan *character encoding*).

Kualiti Data	
Pengganda	**Perkara**
0.10	*Standardization*
0.15	*Duplicates* and *inaccurracies*
0.20	*Inconsistensies and missing*
0.25	*Formating and conversion*

- **F: Kompleksiti Data**
  Kompleksiti data adalah merangkumi normalisasi, *data mapping,* data relationship and dependencies, legacy limitation, security measures dan melibatkan calculation.

Kompleksiti Data		
Pengganda	**Perkara**	**Keterangan**
0.1	*Data structure and format*	*Normalization and data mapping effort*
0.1	*Data relationship and dependencies*	*Relationalship and dependencies between entites that need to be maintained*
0.1	*Volume of data to be transformed*	*Data requires conversion*
0.1	*Data mapping and transformation requirements*	*Extensive mapping and transformation rules are needed to align data from the source to the target system*
0.1	*Integration with external systems*	*Involves integrating with external systems or third-party applications. Customs integration points may need to be developed.*
0.1	*Regulatory and compliance considerations*	*May include data encryption, audit trails, or specialized security measure*
0.1	*Legacy systems limitations*	*Compatibility issues*
0.1	*Time constraints and downtime mitigation*	*Implementing strategies to minimize downtime, such as a phased migration, may require additional planning and resources*
0.1	*Data encryption and security measures*	*Implementing encryption and ensuring the secure transfer of sensitive data can require additional considerations*
0.1	*Data calculation/formula for finance*	*Implementing calculation finance formula*

iv. Kriteria Keempat: Penggunaan Teknologi

Bilangan Komponen *Emerging Technology* (ET)	Kategori	Skor
1 – 2	Kecil	3
3 – 5	Sederhana	7
Lebih daripada 5	Besar	10

Komponen Teknologi (ET):

- *Artificial Intelligence* (AI)
- *Blockchain (BC)*
- *Chatbot*
- *Robotic Process Automation (RPA)*
- *Geographic Information System (GIS)*
- *Augmented Reality (AR)*
- *Virtual Reality (VR)*
- *Digital Twin*
- *Internet of Thing (IoT)*
- *Cloud Computing*
- *Big Data Analytic (BDA)*
- *Business Intelligence (BI)*
- *Data Warehouse (DW)*

b. Anggaran Harga Pembangunan Sistem dan Pangkalan Data

i. Untuk pengiraan **Anggaran Harga** bagi **Pembangunan Sistem**, terdapat **empat (4) kaedah** seperti di bawah yang boleh digunakan dan **kaedah Parametrik akan digunakan sebagai asas** untuk pengiraan Anggaran Harga.

- **Parametrik**
  Kaedah ini menggunakan parameter tertentu untuk menentukan Anggaran Harga projek. Contoh Teknik yang boleh digunakan untuk mengira kos pembangunan sesuatu aplikasi ialah *Function Point Analysis* (FPA), *Lines of codes, Use case point, RICEF-W Constructive Cost Model* (COCOMO).

- **Penilaian Pakar**
  Penilaian Pakar berdasarkan pengetahuan dan pengalaman pakar industri untuk menentukan Anggaran Harga.

- **Anggaran Berasaskan Analogi**
  Menggunakan data sejarah untuk membandingkan projek baharu dengan projek pembangunan serupa yang telah siap dibangunkan.

- **Kaedah Bawah Ke Atas**
  Anggaran Harga projek untuk melaksanakan setiap aktiviti utama perlu dikenal pasti terlebih dahulu. Anggaran keseluruhan kos projek diperoleh apabila kos bagi semua aktiviti utama tersebut dijumlahkan.

ii. **Penentuan Anggaran Harga** bagi **Pembangunan Sistem** adalah berdasarkan langkah-langkah seperti berikut:

- **Langkah Pertama – Menentukan Kompleksiti Projek**
  Tentukan kompleksiti projek melalui saiz sistem (FPA), *integration point*, skop migrasi data dan penggunaan *Emerging Technology* (ET) dalam sistem yang akan dibangunkan. **Perincian penerangan mengenai FPA** adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	URL
1.	Pengenalan kepada *Function Points*	https://sqa.jdn.gov.my/index.php/ms/8-1-pengenalan-kepada-function-points
2.	Pengiraan Saiz Fungsian Sistem Aplikasi	https://sqa.jdn.gov.my/index.php/ms/8-2-pengiraan-saiz-fungsian-sistem-aplikasi
3.	Pengiraan Saiz Fungsian Sistem Aplikasi di Fasa Permulaan Projek	https://sqa.jdn.gov.my/index.php/ms/8-3-pengiraan-saiz-fungsian-sistem-aplikasi-di-fasa-permulaan-projek
4.	Pengiraan Saiz Fungsian Sistem Aplikasi di Fasa Analisis	https://sqa.jdn.gov.my/index.php/ms/8-4-pengiraan-saiz-fungsian-sistem-aplikasi-di-fasa-analisis
5.	Pengiraan Saiz Fungsian Sistem Aplikasi di Fasa Pelaksanaan	https://sqa.jdn.gov.my/index.php/ms/8-5-pengiraan-saiz-fungsian-sistem-aplikasi-di-fasa-pelaksanaan

Kompleksiti sistem akan mempengaruhi **Langkah Ketiga** iaitu **bilangan, kadar dan jumlah hari bekerja personel** dalam pasukan pembangunan (sumber personel).

- **Langkah Kedua – Menentukan Tempoh Projek**
